



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	Pencarian Raja & Ratu Sambal Tumis MAGGI.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 31/08/2021 dan ditutup jam 23:59:59 malam pada 11/10/2021.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan tempat tinggal yang beralamat di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>FASA 1 – Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Peserta, baik sebagai individu ["Seorang"] atau sepasukan dua orang ["Pasangan"] boleh menghantar penyertaan mereka melalui Instagram atau Facebook sahaja ["Penyertaan"].</p> <p>b. Untuk menghantar Penyertaan mereka, peserta diperlukan untuk Langkah 1: Cipta resipi ["Resepi"] dan masak hidangan ["Hidangan"] yang menggabungkan penggunaan mana-mana produk MAGGI PES SAMBAL TUMIS. Langkah 2: Ambil gambar atau video Hidangan yang dibuat <u>bersama-sama</u> paparan pek produk MAGGI PES SAMBAL TUMIS yang jelas dan digunakan untuk menyediakan Hidangan. Peserta mesti dipaparkan dalam gambar dan/atau video yang diambil. Langkah 3: Muat naik gambar dan/atau video yang diambil termasuk Resepi dalam kapsyen ke akaun Facebook atau Instagram mereka. Langkah 4: Sertakan tanda pagar #RajaRatuSambalTumis, #MaggiSambalTumis dan #GerentiMenjadi. Langkah 5: Pastikan tag @MAGGI.MALAYSIA.</p> <p>c. Tetapkan akaun Instagram atau Facebook ke tetapan mod 'UMUM' dari saat Penyertaan dimuat naik/dipos sehingga selepas pemenang Promosi telah diumumkan.</p>

	<p>d. Semua Penyertaan yang dimuat naik oleh Peserta mesti melalui akaun Facebook atau Instagram peribadi peserta. Penghantaran Penyertaan melalui akaun Facebook atau Instagram yang bukan peribadi sendiri tidak dibenarkan sama sekali dan akan ditolak oleh Penganjur.</p> <p>e. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu [1] Penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>f. Penganjur berhak untuk membatalkan Penyertaan secara automatik yang <u>tidak</u> mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam Terma & Syarat.</p> <p>e. Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk mengeluarkan, memadam dan membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak wajar/tidak sesuai yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada penyertaan yang mengandungi sebarang bentuk kata-kata tidak senonoh atau kandungan yang menimbulkan sensitiviti, atau mengandungi produk yang tidak dihasilkan atau diedarkan oleh Penganjur.</p> <p>f. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan dan menerbitkan kandungan yang dihantar oleh Peserta untuk tujuan penerbitan, tanpa notis lebih lanjut kepada Peserta.</p>
<p>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>a. Semua Penyertaan mesti dimuat naik ke Facebook atau Instagram peribadi mereka pada atau sebelum 23:59:59, 11/10/2021.</p> <p>b. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>7. <u>FASA 1 – Kriteria Pengadilan dan Pemilihan Senarai Pendek:</u></p>	<p>a. Penganjur akan senarai pendek semua Penyertaan yang diterima sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penyertaan di mana Hidangan telah dicipta dengan cara yang paling asli, unik, menyelerakan dan kreatif; ii. Gambar atau video yang dihantar mesti mengandungi paparan pek produk MAGGI PES SAMBAL TUMIS yang jelas dan digunakan memasak Hidangan; iii. Gambar dan/atau video dihantar mesti memaparkan Peserta; iv. Penyertaan yang disertakan dengan Resipi paling kreatif dalam kapsyen; v. Tanda pagar #RajaRatuSambalTumis, #MaggiSambalTumis dan #GerentiMenjadi telah disertakan untuk setiap Penyertaan yang dimuat naik; dan vi. Instagram atau Facebook @MAGGI.MALAYSIA ditag dalam pos. <p>b. Penganjur akan menilai dan senarai pendek sepuluh [10] Penyertaan teratas dengan nama unik Peserta ["Penyertaan"] dengan skor tertinggi.</p>

	<p>c. Sepuluh [10] Finalis teratas yang terpilih akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam Fasa 2 - Temu ramah Finalis.</p>
<p>8. <u>FASA 2 – Temu ramah Finalis:</u></p>	<p>a. Penganjur akan mengumumkan sepuluh [10] nama Finalis terpilih melalui Halaman Facebook dan/atau Halaman Instagram MAGGI MALAYSIA dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat Tempoh Promosi.</p> <p>b. Semua Finalis mesti respon dengan menghantar "Mesej Langsung" ke Facebook Penganjur untuk memberikan butiran diri dan cara berhubung kepada Penganjur untuk pengenalan diri dan Fasa 2 – sesi Temu ramah Finalis.</p> <p>c. Semua "Mesej Langsung " dari Finalis mesti dihantar ke Laman Facebook MAGGI MALAYSIA Penganjur dalam masa empat (4) hari dari tarikh Penganjur mengumumkan Finalis berkaitan (“Tetingkap Respon”). Sebagai contoh:</p> <p>i. Pengumuman Finalis: 20/10/2021. Tetingkap Respon: selewat-lewatnya pada 23:59:59, 24/10/2021.</p> <p>d. Kegagalan untuk respon dalam jangka masa Tetingkap Respon akan mengakibatkan pembatalan secara automatik.</p> <p>e. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas apa jua kegagalan oleh Finalis untuk:</p> <p>i. menerima pengumuman Penganjur mengenai Finalis yang disenarai pendek; dan/atau</p> <p>ii. menghantar “Mesej Langsung” yang diperlukan kepada Penganjur dalam jangka masa Tetingkap Respon.</p>
<p>9. <u>FASA 2 – Kriteria Pengadilan dan Pemilihan Senarai Pendek:</u></p>	<p>a. Penganjur akan mengatur dan mengadakan temu ramah dengan kesemua sepuluh [10] Finalis yang disenarai pendek untuk mereka persembahkan:</p> <p>i. Hidangan dan Resipi mereka yang dihantar dalam Penyertaan dengan maklumat lebih lanjut. Contohnya: bahan-bahan yang digunakan, proses memasak, cerita dibaliknya dan lain-lain;</p> <p>ii. Konsep mereka untuk gambar dan/atau video yang dihantar.</p> <p>b. Penganjur akan menilai berdasarkan kriteria berikut:</p> <p>i. Tahap keyakinan, karisma, dan kemahiran persembahan Finalis semasa ditemu ramah; dan</p> <p>ii. Keunikan/Keaslian Resepi dan Hidangan yang dicipta.</p> <p>c. Penganjur akan senarai pendek dan memilih empat [4] Finalis teratas dengan skor tertinggi untuk meneruskan ke Fasa 3 - Pengundian Umum.</p> <p>d. Enam [6] Finalis dengan skor yang lebih rendah masing-masing akan memenangi Hadiah Sagu Hati.</p>

<p>10. <u>FASA 3 – Pengundian Umum:</u></p>	<p>a. Penganjur akan mengumumkan empat [4] nama Finalis terakhir melalui Halaman Facebook dan/atau Halaman Instagram MAGGI MALAYSIA dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat Fasa 2 – sesi temu ramah Finalis. Penganjur juga akan menampilkan empat [4] Finalis di TV nasional.</p> <p>b. Penganjur akan mengumumkan dan mengajak orang ramai untuk memilih Finalis kegemaran mereka melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas [“SMS”].</p> <p>c. Penganjur akan mengumumkan tempoh pengundian awam dan panduan/langkah-langkah pengundian awam di Laman Facebook dan Instagram Penganjur MAGGI MALAYSIA. Pengundi disarankan untuk mengikuti panduan/langkah-langkah pengundian awam seperti yang diposkan oleh Penganjur ketika menghantar undian mereka semasa tempoh pengundian awam yang ditetapkan oleh Penganjur.</p> <p>d. Pengundian Umum terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah yang berumur 18 tahun ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan diri yang sah dan dengan alamat kediaman di Malaysia.</p> <p>e. Di akhir sesi Pengundian Umum, Penganjur akan mengira keputusan Pengundian Umum dan mengumumkan Pemenang Hadiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dua Finalis teratas dengan skor tertinggi akan memenangi Hadiah Utama; ii. Finalis seterusnya dengan skor tertinggi berikutnya akan memenangi Hadiah Kedua; dan iii. Finalis terakhir akan memenangi Hadiah Ketiga.
<p>11. <u>Hadiah:</u></p>	<p>a. Hadiah untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dua [2] Hadiah Utama berupa wang tunai RM5000 dan penampilan masing-masing di TV nasional. ii. Satu [1] Hadiah Kedua dalam bentuk wang tunai RM3000. iii. Satu [1] Hadiah Ketiga berupa wang tunai RM1000. iv. Enam [6] Hadiah Sagu Hati berupa wang tunai RM200 setiap satu.
<p>12. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Setiap Peserta boleh memenangi satu [1] Hadiah sahaja di sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Semua hadiah akan dikurier kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari masa pengumuman Pemenang dibuat. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah yang dihantar tidak diterima atau ditangguh penghantarannya.</p>

	<p>c. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur akan dibatalkan.</p> <p>d. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal tidak tersedia.</p> <p>e. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>f. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di: <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/pes-sambal-tumis-maggi/>, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda"). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Kempen

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé

Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakteraturan antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

12.2 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privay_notice.

12.1 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.